



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA  
INSTITUT PENYELIDIKAN SAINS DAN TEKNOLOGI PERTAHANAN (STRIDE)

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor tempatan **Gred G1** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** di Daerah Ulu Langat, Negeri Selangor dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK)** Serta **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang masih sah mengikut kategori dan pengkhususan seperti di bawah:

TAJUK SEBUT HARGA DAN NO. RUJUKAN	KOD BIDANG	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT/ LAWATAN TAPAK	TARIKH PELAWAAN/ TARIKH TUTUP
<b>TAWARAN SEBUTHARGA BAGI KERJA-KERJA NAIKTARAF TEMBOK DAN SIGNAGE PINTU MASUK UTAMA DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI KOMPLEKS INDUK STRIDE, INSTITUT PENYELIDIKAN SAINS DAN TEKNOLOGI PERTAHANAN (STRIDE), KAJANG, SELANGOR</b>  Ruj. Sebut Harga : KP/STRIDE/PK/SH/25(11)OE/IK	<b>Gred : G1</b>  <b>Kategori : CE</b>  <b>Sub. Kategori : CE13 atau CE14 dan CE21</b>	<b>23 Oktober 2025 (Khamis)</b> <b>Jam 10.30 Pagi</b>  Makmal OR, Blok A, Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan (STRIDE), Kompleks Induk STRIDE, Taman Bukit Mewah, Fasa 9, Kajang Selangor	<b>Tarikh Pelawaan : 21 Oktober 2025 (Selasa)</b>  <b>Tarikh Tutup : 30 Oktober 2025 (Khamis)</b> <b>Jam 12.00 Tengah Hari</b>

Kontraktor **adalah diwajibkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak.** Taklimat hanya akan diadakan **satu (1) kali sahaja.** Kontraktor dikehendaki berkumpul di **Makmal OR, Blok A, Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan (STRIDE), Kompleks Induk STRIDE, Taman Bukit Mewah, Fasa 9, Kajang Selangor** pada tarikh dan masa yang ditetapkan. **Hanya PENAMA** di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil. **Surat Kebenaran Khas CIDB adalah tidak dibenarkan.**

2. Kontraktor boleh mendapatkan dokumen sebut harga pada hari taklimat dan **kontraktor yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak sahaja dibenarkan mengambil dokumen sebut harga.** Dokumen sebut harga hanya diberi kepada kontraktor yang menunjukkan **SIJIL ASAL PPK DAN SPKK** yang dikeluarkan oleh CIDB dan SSM serta mempunyai Kod Bidang seperti di atas. Syarikat/ Pembekal **WAJIB** membawa **SIJIL ASAL Bertaraf Bumiputera (jika bertaraf bumiputera)** dan kemukakan **satu (1) Salinan** sijil-sijil tersebut (tidak dikembalikan) **yang masih sah tempohnya** untuk semakan Kod Bidang dan Pengesahan Pendaftaran kepada pihak urus setia. **Sila bawa bersama Cop Syarikat yang beralamat lengkap.**
3. Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah di masukkan ke dalam **Peti Sebut Harga 'A' di Blok A, Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE), Kajang, Selangor** tidak lewat dari **jam 12.00 tengah hari, pada 30 Oktober 2025 (Khamis).** Tawaran yang **LEWAT** diterima tidak akan dipertimbangkan/ ditolak.

4. Pegawai untuk dihubungi:

**En. Zainarul Aswad bin Razali**  
Unit Selenggara  
03 – 4012 6887